

BAB 4

NOVEL-NOVEL PRAMOEDYA ERA PERANG

Penubuhan Lembaga Kebudayaan Rakyat (Lekra) sebagai badan kebudayaan dan kesenian Parti Komunis Indonesia pada 1952, begitu menarik minat Pramoedya untuk menyelami dasar dan falsafah yang dibawa oleh organisasi ini. Pada kongres pertama Lekra di Solo pada tahun tersebut, beliau hadir sebagai pemerhati dan menghayati dengan teliti orientasi penubuhan dan fungsi-fungsi kesusasteraan dan keseniannya (Koh Young Hoon, 1996: 42-43). Pada kongres tersebut, di samping terpilih sebagai anggota pusat Lekra, Pramoedya menemukan sesuatu yang menarik tentang tujuan dan konsep perjuangan sastra serta seni oleh Lekra berbanding dengan konsep yang diperjuangkan oleh Balai Pustaka dan Pujangga Baru yang sangat kabur dari segi tujuan dan fungsi penubuhannya. Malah, kedua-dua organisasi ini dilihat oleh Pramoedya terlalu mendukung aspirasi pemerintah yang masih lagi dipengaruhi oleh tradisi keilmuan Barat.

Dalam erti kata lain, Lekra sendiri ditubuhkan sebagai alternatif untuk melahirkan karya-karya marhaen yang orientasinya kepada genre bacaan untuk masyarakat bawahan yang didasarkan kepada kerangka sosialis. Antara lain, menghasilkan karya-karya sastra serta tulisan-tulisan ilmiah yang menyuarakan pandangan-pandangan tentang kesedaran kelas dan kemanusiaan yang sebagai asas pokok. Di samping itu, ia turut memaparkan ideologi Marxisme dalam kesusasteraan dan kebudayaan dalam konteks kemasyarakatan yang tidak dihalang oleh perbezaan kelas, kolonialisme dan sebagainya.

Penubuhan Lekra ini dianggap sebagai perubahan besar dalam perkembangan tradisi sastra dan seni di Indonesia oleh Pramoedya. Ia begitu bersesuaian dengan cita-cita kesedaran kolektif Pramoedya yang selama ini 'ketiadaan' sarana untuk berbuat demikian. Di satu sisi lain, hubungan antara Lekra dan Pramoedya ini memunculkan hubungan dua hala yang menarik. Di satu sisi, organisasi ini menggunakan Pramoedya untuk menyebarkan ideologi sosialismenya dan di satu sisi lain, Pramoedya menggunakan Lekra sebagai wahana untuk menyebarkan wawasan kesedaran dan pandangan dunia kelompok yang diwakilinya, iaitu masyarakat Indonesia dari golongan bawahan. Ketika berada di Lekra, Pramoedya memperlihatkan beberapa elemen penting untuk dihayati oleh bangsa Indonesia seperti zaman keagungan pemerintah Islam di pesisir Jawa di bawah Wali Songo dan kesultanan Islam Demak pada abad ke-18, yang membangun masyarakat Jawa. Ini bererti, Pramoedya banyak menghasilkan karya yang kembali kepada kesedaran sosiohistoris. Pramoedya juga mengajak golongan pembaca untuk menilai kembali aspek-aspek yang merugikan seperti budaya Hindu-Budha yang menyempitkan ruang berfikir dan jauh ketinggalan dari peradaban bangsa Indonesia. Unsur-unsur ini banyak diperlihatkan dalam *Arus Balik* dan *Sang Pemoela* yang diterbitkan oleh percetakan Hasta Mitra pada penghujung 1980-an. Beliau juga turut mengangkat kegigihan tokoh-tokoh terpenting dalam sejarah Indonesia.

Antaranya kegigihan Raden Adjeng Kartini dari kerajaan Rembang, Jawa Tengah yang memperjuangkan emansipasi wanita Jawa dalam pendidikan dan pekerjaan yang diketengahkan dalam novelnya *Panggil Aku Kartini Saja* I dan II. Kartini telah menggesa golongan wanita Jawa juga diberi pendidikan moden Barat serta mendapat pelbagai peluang untuk menduduki sektor pentadbiran, ekonomi dan sosial. Selain itu,

Kartini juga berusaha meningkatkan kesadaran tentang kesehatan, masalah kahwin usia muda dan perceraian.

Melalui paparan unsur-unsur sejarah dan tanggungjawab kesadaran kelompok ini Pramoedya mencipta tokoh-tokoh tertentu sebagai 'hero revolusi' yang mampu menggambarkan citra bangsa Indonesia. Secara tidak langsung, watak-watak ini dalam setiap karyanya ini menjadi lambang protes terhadap segala kepincangan yang wujud di Indonesia sama ada era kolonial mahupun pemerintahan Orde Lama dan Orde Baru. Selain itu, mampu mempertingkatkan kesadaran kelompok (Jacob Sumardjo, 1993: 63-64).

Dalam hal ini, apa yang diperlihatkan oleh Pramoedya merupakan pengalaman peribadi, keluarga dan masyarakatnya serta pemahaman yang begitu mendalam terhadap perjalanan sejarah Indonesia dan hubungkaitnya dengan sejarah Nusantara yang kamudiannya membentuk gaya berfikir dan proses kepengarangannya;

Pramoedya menggabungkan pengalaman dan bahasa psikologi dengan gaya tersendiri yang bertitik tolak dari pengalamannya untuk digambarkan sebagai suasana baru dalam bentuk fiksi. Persoalan dan tema yang diperolehi dari pengalaman ini digambarkan dengan nada sedih, ngeri dan sebagainya sehingga ciri kesusasteraan seperti ini jarang ditemui pada penulis-penulis Angkatan 45 dan sesudahnya. Malah, menerusi gaya semacam ini, Pramoedya seolah-olah merekonstruksi kembali zaman yang pernah dilaluinya. Selain itu, beliau banyak menyuarakan tentang kepentingan dan kesadaran masyarakat tertentu terhadap apa yang melingkari mereka (Jacob Sumardjo, 65).

Sementara itu, pemahaman tentang kesadaran kelompok dan pemikiran kemanusiaan Pramoedya yang dilukiskan dalam karya-karyanya juga banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur luar lainnya seperti aktiviti-aktiviti keorganisasian dan pengalaman sebagai tahanan di penjara selama lebih 14 tahun. Pengalamannya sebagai tahanan politik di Penjara Buki Duri (1946-1949), Cipinang (1965), Nusa Kambangan (1965-

1971) dan Pulau Buru (1971-1979) merupakan unsur utama yang membentuk kesedaran kemanusiaan Pramoedya yang berkait rapat tentang kebebasan serta hak-hak asasi selain latar kehidupannya di Blora dan Rembang (Ajib Rosidi, 1986: 100-102). Beliau terpaksa menjalani tahanan politik tanpa proses pengadilan yang sewajarnya dari pemerintah Belanda mahupun Indonesia. Ketika menjalani tahanan ini, novelnya tetralogi *Bumi Manusia* dan *Rumah Kaca* dan lain-lain, menyuarakan hak-hak bangsa Indonesia harus dikembalikan kerana selama pemerintahan Belanda dan republik (Indonesia selama Orde Lama dan Orde Baru) ia diabaikan sama-sekali, dalam semua aspek.

Pengalaman sebagai seorang tahanan di penjara dianggap sebagai kelebihan utama kepada Pramoedya untuk berkarya dan memahami erti kemasyarakatan, kemanusiaan, kebebasan dan keadilan. Penjara telah menemukan Pramoedya dengan pelbagai karakter manusia yang tertindas dan tersekat seluruh hak-haknya dari aspek psikologi, cita-cita dan harapan (S.M Ardans, 1953: 128). Seluruh karakter ini ditemukan di Indonesia kerana seluruh rakyatnya ditindas secara fizikal dan mental oleh kolonialisme Belanda sekitar 350 tahun. Kolonialisme dilihat oleh Pramoedya sebagai titik perubahan dalam pemikiran dan tanggapan politik, ekonomi serta sosial masyarakat Indonesia secara keseluruhan. Hal ini diperlihatkan dengan keinginan yang begitu kuat sebahagian besar masyarakat Indonesia untuk membebaskan diri daripada Belanda meskipun terpaksa mempertaruhkan nyawa mereka dalam *Perburuan* dan *Keluarga Gerilya*, yang dianggap sebagai dua novel zaman perang terbaik yang pernah dihasilkan oleh Pramoedya (I.B Dharma Palaguna, 1985: 41). Kesungguhan untuk membebaskan diri daripada belenggu penjajahan diperlihatkan oleh pengorbanan watak-watak dalam novel ini, antaranya Saaman, Kartiman, Canimin dan Fatimah. Sementara itu, watak

Amilah dan Salamah yang menderita fizikal dan mental adalah mangsa-mangsa perang yang tidak pernah diinginkan oleh semua bangsa Indonesia. Penderitaan yang dihadapi oleh keluarga Amilah merupakan lambang satu bangsa Indonesia, khususnya masyarakat bawahan yang begitu sengsara. Mereka terpaksa berkorban harta dan nyawa untuk membantu tentera Indonesia menentang Belanda. Namun, selepas berakhirnya perang, rakyat telah dilupakan oleh pemerintah Indonesia sehingga mereka tetap miskin dan sengsara. Dalam hal ini, Pramoedya meletakkan dirinya di tengah-tengah masyarakat di mana dia berada. Ini pastinya lebih mudah, kerana semua kenyataan dan permasalahan masih boleh dihayati. Pengarang merupakan saksi zaman yang mampu berbicara lebih lengkap tentang zaman serta persekitarannya. Menurut Jakob Sumardjo, peristiwa-peristiwa yang didasarkan kepada kisah-kisah benar ini bukan keinginan Pramoedya untuk menceritakan kembali tentang pengalaman-pengalaman masa lalunya tetapi menyuarakan kesedaran individu dan masyarakatnya yang banyak mengalami kepincangan. Dalam hal ini, Pramoedya telah menyuarakan satu pandangan dunia baru masyarakat Indonesia yang lebih adil, tanpa jurang ekonomi, politik dan sosial yang terlalu lebar (Jakob Sumardjo: 1983: 11-14). Secara umumnya, watak-watak yang dimuatkan dalam *Keluarga Gerilya* dan *Perburuan* adalah satu pandangan dunia kelompok masyarakat yang diwakili oleh Pramoedya yang menginginkan sebuah tanah air yang aman dan tenteram serta menjamin kehidupan yang lebih baik.

Kemelaratan dan penderitaan masyarakat akibat perang ini menjadi salah satu tema utama dalam dunia kepengarangannya. Sejak 1946, Pramoedya telah menghasilkan lima karya yang bertemakan perang, terutamanya Perang Revolusi dalam genre cerpen dan novel. Antaranya, *Sepuluh Kepala NICA* (1946), *Keranjangi-Bekasi Jatuh* (1947),

Mereka Yang Dilumpuhkan (1951) dan antologi cerpen *Subuh* (1950). Namun, karya-karya ini, khususnya novel cenderung memperlihatkan pengalaman melihat dan terlibat dalam perang menentang Belanda di beberapa daerah di Jawa Barat, utamanya di Kerinci dan Bekasi ketika menjadi Tentera Keamanan Rakyat (TKR). Selama bertugas di daerah tersebut, beliau melihat banyak kematian rakyat yang tidak berdosa dan gadis-gadis yang diperkosa oleh tentera-tentera Belanda (NICA). Namun, Pramoedya hanya memaparkan pengalaman-pengalaman tersebut secara luaran sahaja tentang apa yang dilihat dan dirasakan. Dalam hal ini, beliau tidak menganalisis dan menonjolkan aspirasi kelompok secara terperinci, berbanding dengan novel-novel zaman perang yang dianggap terbaik iaitu *Perburuan* dan *Keluarga Gerilya*. Ini kerana kedua-dua novel itu menganalisis permasalahan masyarakat secara struktur dengan menghubungkan aspek fizikal dan psikologi sehingga aspirasi serta kesedaran kolektif kelompok dapat ditemukan.

Perburuan: Pandangan Dunia Zaman pendudukan Jepun

Novel *Perburuan* (1950) merupakan karya tunggal Pramoedya yang mengangkat persoalan kemasyarakatan, khususnya Blora pada masa Pendudukan Jepun ketika Perang Dunia Kedua (1942-45). Novel ini ditulis ketika menjadi tahanan di Bukit Duri, kerana dituduh oleh Belanda sebagai agen propaganda Indonesia ketika meletusnya Revolusi. Ia diterbitkan oleh Balai Pustaka dengan kerjasama beberapa tokoh yang simpati dengan perjuangannya terutama pencinta bahasa Melayu dari Belanda, Prof. A. Teeuw, J. Resink dan, H.B. Jassin. Dari segi pencapaiannya, novel ini berjaya meraih anugerah

penghargaan novel terbaik dari Balai Pustaka pada 1950 yang diumumkan ketika Pramoedya masih lagi menjalani hukuman penjara.

Perburuan diilhamkan dari pemberontakan tentera Pembela Tanah Air (PETA) di Blitar yang dipimpin oleh *Saidancho* Supriyadi terhadap pemerintah Jepun pada 14 hingga 15 Febuari 1945. *Saidancho* Supriyadi merupakan salah seorang perwira tertinggi dari penduduk peribumi yang pernah dilantik oleh Jepun ketika menduduki Indonesia pada Perang Dunia Kedua. Perlawanan terhadap tentera Jepun tersebut disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah rasa tidak puas hati terhadap diskriminasi dalam PETA oleh Jepun. Anggota tentera dari masyarakat peribumi tidak melebihi pangkat Sarjan sahaja dan mereka lebih ditumpukan kepada pergerakan di medan tempur berbanding dengan perwira Jepun yang memegang jawatan-jawatan penting dalam struktur PETA. Selain itu, kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk tentera-tentera PETA peribumi terlalu terhad. Rasa tidak puas hati tersebut telah mendorong beberapa perwira peribumi melakukan pemberontakan, meskipun dapat dipatahkan oleh Jepun. Namun, pemberontakan ini mempunyai makna yang begitu penting dalam sejarah Indonesia kerana ia merupakan penentangan bersenjata dan kebangkitan semangat militerisme pertama penduduk peribumi terhadap Jepun ketika Perang Dunia Kedua. Sementara itu, bagi Pramoedya, pemberontakan tentera-tentera PETA bersesuaian dengan pandangan dunianya bahawa ia bukan sekadar kemunculan nilai militerisme Indonesia tetapi kesedaran tentera-tentera PETA daripada masyarakat peribumi akibat tekanan dan diskriminasi Jepun (Nugroho Notosusanto, 1984: 48-51). Bagi Pramoedya, apa yang dilakukan oleh Jepun terhadap tentera-tentera peribumi sama seperti diskriminasi Belanda terhadap tentera-tenteranya daripada penduduk tempatan. Pengalamannya

sewaktu menjadi tentera Belanda, beliau melihat pelbagai diskriminasi, tekanan dan sikap memandang rendah terhadap kemampuan bangsa Indonesia (Pramoedya pernah berkhidmat dalam tentera Belanda sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua dengan pangkat leftenan).

Ketika meletusnya pemberontakan tentera PETA di Blitar yang dipimpin oleh Supriyadi tersebut, anggota-anggota yang terlibat terpaksa meninggalkan keluarga dan terpaksa melarikan diri dari masyarakatnya untuk mengelakkan ditangkap Jepun. Namun, pemberontakan tentera di Blitar ini menjadi suntikan moral kepada seluruh bangsa Indonesia untuk menggerakkan satu persefahaman baru yang kolektif dalam memperjuangkan kepentingan bangsa Indonesia. Menurut Pramoedya;

Sejak lebih seabad, kita bangsa Indonesia berada dalam tekanan kolonial, golongan bawahan terutamanya terpaksa akur dengan sistem yang telah ditetapkan oleh mereka sehingga wujud klasifikasi dalam masyarakat. Dengan adanya pemberontakan di Blitar pada 1945, sedikit sebanyak ia menyedarkan sebahagian bangsa Indonesia tentang hak-hak mereka yang selama ini telah ditiadakan oleh penjajah. Saya melihat aspek kemanusiaan sama sekali tidak dikecualikan dari kesedaran ini biarpun ia hanya sekadar dasarnya sahaja kerana sarana dan pasarana kita masih terlalu lemah pada waktu itu (Pramoedya Ananta Toer, 27 Disember 1997).

Perburuan mengisahkan peristiwa yang hanya berlaku dalam waktu sehari semalam sahaja iaitu senja 16 Ogos 1945 hingga waktu zohor 1945 (saat pengistiharan kemerdekaan Indonesia oleh Soekarno dan Mohd. Hatta di Medan Merdeka Barat, Jakarta). Ia memaparkan watak Hardo dan Dipo yang merancang gerakan penentangan terhadap Jepun di Blitar sebagai tindak balas terhadap sikap diskriminasi tentera Jepun. Namun, pemberontakan mereka gagal kerana pelbagai sebab. Antaranya sikap khianat, Karmin teman mereka yang ingin merampas Ningsih, tunang Hardo. Karmin telah membocorkan rahsia pemberontakan tersebut kepada pucuk pimpinan Jepun sehingga kedua-duanya telah diburu dan akan dijatuhkan hukuman mati. Untuk menyelamatkan

diripada dari buruan Jepun, Hardo dan Dipo telah menyamar sebagai pengemis dan seorang petapa di pinggir kota Blitar. Sebagai tindak balas, pihak Jepun telah memecat jawatan *wedana* (pegawai daerah) yang disandang oleh bapa Hardo sehingga mendorong bapanya menjadi seorang kaki arak dan kaki judi di warung-warung di sekitar kota tersebut. Pada Ogos 1945, Jepun menyerah kalah kepada pihak bersekutu. Sebagai pengkhianat, Karmin telah ditangkap oleh penduduk-penduduk Blitar dan akan dijatuhkan hukuman mati oleh Tentera Keamanan Rakyat (TKR).

Namun sebagai teman, Hardo, Dipo dan Ningsih justeru merayu kepada TKR dan penduduk kota Blitar agar Karmin dibebaskan serta diberi peluang untuk kembali ke pangkal jalan serta membantu kembali membina bumi Indonesia. Dalam *Perburuan*, Pramoedya memaparkan watak-watak yang saling bertaut kehidupannya. Menerusi watak utamanya Hardo dan beberapa watak kontra seperti Karmin dan bapa Ningsih. Pramoedya berusaha menggambarkan pertentangan antara watak hitam dan putih ditengah-tengah penghujung perang dan keadaan masyarakat di Blora dan Indonesia. Dalam hal ini, bakal bapa mertuanya (bapa Ningsih) berusaha untuk memperdayai Hardo agar kembali ke masyarakat sebagai seorang rakyat biasa, bukan lagi tentera PETA. Namun, pada hakikatnya, dia berusaha memerangkap Hardo untuk meraih kedudukan yang lebih baik dalam birokrasi Jepun.

Pengkhianatan oleh watak protagonis iaitu Karmin dan bapa Ningsih dianggap sebagai lambang pengkhianatan terhadap nilai-nilai kemanusiaan, kepentingan kelompok, politik dan cita-cita bangsa dalam suasana perang dan perjuangan membebaskan diri oleh bangsa Indonesia (Umar Junus, 1974: 43). Pengkhianatan ini jugalah yang menghalang cita-cita merealisasikan kemanusiaan yang adil dan sewajarnya. Namun, Hardo tetap

memaafkan kesalahan yang dilakukan oleh Karmin berdasarkan rasa kemanusiaan seperti yang dijelaskan oleh Pramoedya dalam novel tersebut;

Tidak, aku takkan membalas dendam oleh pengkhianatan itu. Aku ingin bicara dengan kau. Alangkah lama aku tak bicara dengan sewajarnya! Karmin, dulu engkau sedia bertindak dengan kami. Mana kesediaanmu? Tidak aku tidak menyalahimu. Engkau *Shodanco* yang tercapak dalam *Daidan*. Pandai Engkau membawa anak-anak buahmu (Pramoedya, 1950: 10).

Hardo juga memperlihatkan rasa kemanusiaannya dengan melindungi Karmin dari orang ramai yang ingin membunuhnya kerana disyaki menjadi tali barut Jepun dengan menyuruh beliau melarikan diri. Menerusi watak Karmin misalnya, Pramoedya menekankan unsur 'keterpaksaan'. Dengan lain perkataan, beliau menganggap bahawa kemanusiaan itu tetap ada pada manusia yang immoral, pengkhianat dan sebagainya tetapi mereka terpaksa menyimpang dari nilai-nilai ini kerana tekanan oleh persekitaran dan situasi semasa (I.B Dharma Palaguna, 1985: 34). Watak Karmin dalam novel ini misalnya, terpaksa melupakan nilai-nilai moral kerana disebabkan oleh keinginan memberi sesuatu yang lebih baik kepada keluarganya. Dan jalan yang terpaksa ditempuh pada zaman yang serba gawat itu ialah dengan berpaling tadah kepada pemerintah Jepun, sekaligus belot dari perjuangannya bersama Hardo dan Dipo.

Tanggapan Pramoedya seperti ini sangat dipengaruhi oleh simpatinya terhadap manusia dalam konteks yang fragmentaris atau pandangan bahawa manusia merupakan objek yang sering berubah terutama dari aspek psikologi dan tingkahlakunya sesuai dengan perubahan persekitaran dan situasi yang mendukungnya (Pramoedya Ananta Toer, 25 Disember 1997). Pemahaman Pramoedya dalam hal ini sangat dipengaruhi oleh budaya dan etika Jawa yang menjadi asas kehidupannya iaitu pemahaman seseorang itu disebabkan oleh sikap *ndurung ngerti* (tidak memahami) sehingga mendorong mereka

melakukan sesuatu kesalahan atau melanggar nilai-nilai dan norma yang ditentukan oleh kesepakatan sosial. Ketidakfahaman ini menyebabkan seseorang itu melakukan sesuatu berdasarkan perasaan dan hawa nafsu semata-mata. Etika Jawa juga menekankan kepada pemahaman bahawa setiap manusia adalah saudara yang diikat oleh agama dan pola adat serta begitu berpegang kepada faham kekeluargaan, air dicincang takkan putus (Iman Hilman, 1981: 13-14).

Dalam perspektif ini, Karmin digambarkan sebagai seorang yang kaya dengan nilai-nilai moral. Meskipun mengkhianati Hardo dan Dipo, dia tetap melindungi kekasihnya, Ningsih dan Hardo dari tangkapan Jepun dengan menyuruh membakar surat-surat cinta pemuda tersebut. Karmin berbuat demikian kerana sedar tentang kesalahannya mengkhianati rakan-rakan dalam pemberontakan PETA di Blitar.

Di samping paparan aspek-aspek konflik ini, Pramoedya juga berusaha untuk memperlihatkan realiti masyarakat zaman perang di Indonesia hasil garapan seorang saksi sejarah seperti yang dijelaskannya;

Saya juga merupakan saksi penting dalam perjalanan sejarah Indonesia. Apa yang saya tulis adalah suara masyarakat dalam periode-periode ini. Malah, karya-karya saya juga sama seperti tulisan-tulisan penulis lain yang mewakili zaman masing-masing, seperti Multatuli yang menyuarakan kemanusiaan zaman Politik Etis di Jawa (1901-1942). Begitu juga Tan Malaka tentang kebangkitan nasional dan revolusi. Sama seperti Gorky, Steinbeck, Tolstoy, Gogol, Chekov dan sebagainya yang menulis tentang tanah air dan zaman masing-masing (Pramoedya Ananta Toer, 1994: 126).

Dalam hal ini, sama seperti Tan Malaka dan lain-lain, Pramoedya menghasilkan karya demi kepentingan kelompok yang mendukungnya, sekaligus menyuarakan hasrat dan aspirasi mereka terhadap nilai-nilai moral, pertentangan nilai serta keinginan terhadap fenomena yang melanda mereka akibat ditekan oleh kelompok lain (penguasa dan kolonial). Ini bererti apa yang disuarakan menerusi watak-watak dalam *Pemburuan*

merupakan satu kesedaran dan pandangan dunia, di mana Pramoedya sebagai wakil untuk mengutarakan pandangan-pandangan ini. Jika diteliti dari pendapat Goldmann dalam teori Stukturalisme Genetik yang melihat seseorang pengarang adalah wadah kepentingan sesuatu kelompok, Pramoedya berjaya meletakkan dirinya sebagai saluran untuk menyatakan kepentingan dan pandangan dunia kolektif satu kelompok masyarakat, iaitu masyarakat Blora ketika menghadapi satu situasi, iaitu zaman Pendudukan Jepun. Pramoedya menerusi watak-watak Hardo, Dipo dan Ningsih menyuarakan pandangan dunia agar setiap anggota masyarakat hendaklah bersatu dan kembali kepada kesepakatan tanpa ada pengkhianatan dan pepecahan.

Selain itu, menerusi novel *Perburuan*, Pramoedya tidak hanya menceritakan pemberontakan tentera PETA di Blitar tetapi juga kekejaman Jepun, kebuluran di Jawa dan aksi-aksi gerila oleh barisan pemuda terhadap *tangsi-tangsi* (kem) Jepun di seluruh Indonesia tetapi juga perubahan politik dan hiraknya. Di Jawa, misalnya Jepun di bawah pimpinan Jeneral Huchida telah membubarkan elit-elit birokrasi peribumi yang dibentuk semasa pemerintahan Hindia Belanda. Hal ini dilambangkan oleh bapa Hardo (bekas Wedana Karangjati) yang menjadi seorang kaki judi dan pemabuk kerana kecewa dipecat oleh Jepun. Begitu juga dengan kekalahan Belanda di tangan Jepun merupakan kekecewaan yang berat kepada seluruh elit peribumi pro-Belanda. Justeru, bagi Pramoedya dan kelompok bawahan lain, ia tidak memberi sebarang kesan kerana sama seperti Belanda, Jepun juga merupakan kuasa imprealis yang akan meneruskan penguasaan terhadap hak-hak mereka (Robert van Neil, 1981: 69-71). Oleh itu, menerusi *Perburuan*, Pramoedya cuba mengutarakan pandangan kelompok masyarakat bawahan, sesuatu yang terbaik untuk menjamin masa depan Indonesia bukanlah pemerintahan

Belanda mahupun Jepun tetapi pemerintahan di tangan anak watan Indonesia sendiri yang berdiri di atas dasar kesepakatan dan kejujuran.

Dalam konteks ini, secara langsung, Pramoedya telah 'mempertembungkan' dua kelompok yang saling berusaha untuk mencari kepentingan masing-masing, iaitu masyarakat Indonesia yang digambarkan menerusi Hardo dan watak-watak kontra iaitu bapanya, tentera Jepun, bapa Ningsih dan Karmin. Menerusi watak-watak Hardo dan Dipo, Pramoedya menyatakan tentang keinginan dan cita-cita masyarakat bawahan memperjuangkan nasib dan kebebasan mereka dari tekanan kelompok lain. Sebagai intelektual kelompoknya, *Perburuan* mengungkapkan satu gagasan dan kesedaran kolektif seluruh masyarakat yang menaungi kepengarangan Pramoedya. Menerusi watak-watak ini, Pramoedya mengutarakan satu pandangan dunia kelompok bawahan yang tertindas di bawah Jepun dan tali barutnya dalam menyatakan aspirasi kolektif mereka. Dalam hal ini, watak-watak Dipo dan Hardo juga merupakan pandangan Pramoedya terhadap sikap segelintir masyarakat Indonesia yang sering 'berkhianat' terhadap kepentingan-kepentingan masyarakat luas dengan menyokong kekejaman dan kezaliman. Dengan menelusuri setiap aspek sosio-historis ini, *Perburuan* juga cuba mengungkapkan betapa peritnya pengkhianatan dari dalam ketika perjuangan berbanding dengan perang ketika menghadapi musuh yang bersenjata. Perlawanan Hardo dan Dipo terhadap Jepun gagal disebabkan oleh pengkhianatan Karmin dan bapa Ningsih yang ingin mempertahankan kepentingan masing-masing.

Hal ini turut diperlihatkan dalam novel perang revolusi terbaiknya *Keluarga Gerilya* yang turut memperlihatkan 'pertembungan' dua kelompok masyarakat. Di satu pihak ia diwakili oleh tentera-tentera Belanda (NICA) dan pembesar-pembesar peribumi

menghadapi TKR dan rakyat Indonesia. Meskipun ia berakhir dengan kemenangan pihak kedua, *Keluarga Gerilya* tetap memperlihatkan pelbagai peristiwa. Antara lain, tragedi kemanusiaan, pandangan dunia kolektif dan aspirasi kelompok masyarakat bawahan di Indonesia selama lima tahun Perang Revolusi.

Keluarga Gerilya: Pertembungan Antara Dua Pandangan Dunia

Novel *Keluarga Gerilya* (1950) merupakan salah satu rakaman tentang pengalaman peribadi Pramoedya sebagai seorang pelaku sejarah ketika menjadi Tentera Keamanan Rakyat (TKR), bahagian telegraf yang berpusat di Cikampek, Jawa Barat pada 1946. Karya ini dianggap sebagai kesinambungan dari karyanya *Kranji-Bekasi Jatuh* yang diterbitkan pada 1947 dan *Mereka yang Dilumpuhkan* (1951), jilid I dan II. Kedua-duanya bertemakan perjuangan dan konflik tentera-tentera TKR yang berjuang menentang Belanda selepas pengistiharan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945. Belanda dengan bantuan tentera sekutu menyerang Indonesia kerana menganggap kemerdekaan negara tersebut tidak sah. Selain itu, pengistiharannya tidak mendapat izin daripada pihak bersekutu. Namun, serangan Belanda tersebut telah mendapat tentangan hebat dari tentera-tentera Indonesia yang dipimpin oleh Jeneral Soedirman iaitu panglima tertinggi TKR.

Secara umumnya, *Keluarga Gerilya* mengisahkan tentang runtuhnya sebuah keluarga akibat serangan tentera Belanda ke atas Indonesia. Keluarga yang diketuai oleh Amilah (ibu), bekas primadona pegawai-pegawai tentera Belanda tersebut begitu tertekan setelah anak sulungnya, Saaman yang menjadi tulang belakang ekonomi

keluarga ditangkap oleh Belanda dan akan dijatuhi hukuman mati. Ini kerana Saaman merupakan tentera TKR yang sering membunuh tentera-tentera Belanda dan menjadi mata-mata ketika meletusnya Perang Revolusi. Beliau yang bekerja sebagai penarik beca itu juga turut terlibat membantu dua adiknya (juga tentera TKR) membunuh bapa tiri mereka (suami Amilah), seorang sarjan tentera Belanda yang sering mencaci kekuatan TKR dan anak-anak tirinya yang mendukung perjuangan Indonesia. Setelah Saaman dipenjarakan dan dua anaknya yang lain, iaitu Kartiman dan Canimin turut terlibat dalam gerakan gerila, Amilah mengalami tekanan perasaan sehingga menjadi gila. Beliau menjadi semakin tertekan setelah anak perempuannya, Fatimah diperkosa oleh Sersan Kasdan seorang tentera NICA yang ingin membalas dendam terhadap Saaman. Amilah sering berkunjung dari penjara ke penjara mencari Saaman. Akhirnya Saaman dijatuhi hukuman mati di hujung senapang skuad penembak Belanda. Oleh sebab, terlalu merindui Saaman, akhirnya Amilah menghembuskan nafasnya di pusara anaknya tersebut. Sementara itu, kedua-dua anak lelakinya, Kartiman dan Canimin terbunuh di medan perang sebelum sempat melihat Indonesia bebas daripada penjajahan Belanda.

Pramoedya menerusi novel ini, secara langsung membawa pembacanya kepada pertembungan dua kelompok masyarakat bersesuaian dengan gagasan Strukturalisme Genetik oleh Goldmann. Ia memperlihatkan peranan-peranan yang dimainkan oleh watak-watak yang merupakan aspirasi kelompok, kesedaran, keinsafan serta kepentingan kelompok ketika Perang Revolusi. Hal ini digambarkan oleh Pramoedya menerusi watak Amilah, Saaman, Kartiman, Canimin dan Fatimah yang merupakan simbolik kepada sebahagian besar golongan tersebut. Oleh itu, watak-watak ini merupakan penentangan dan pertembungan dua kelompok yang mempunyai kepentingan masing-masing. Di satu

pihak, Belanda yang mempunyai misi politik dan ekonomi dan di satu pihak lagi ialah masyarakat yang dijajah yang menginginkan kebebasan diri mereka daripada kolonialisme. Hasil dari pertembungan kepentingan inilah terjadinya konflik-konflik yang dihadapi oleh Amilah, Saaman, Kartiman dan sebagainya yang melambangkan kesedaran kolektif kelompok mereka. Antara lain, tragedi kemasyarakatan dan kemanusiaan yang dihadapi oleh watak-watak ini merupakan pandangan dunia kelompok agar Indonesia bebas dari perang. Ini kerana perang akan hanya akan menyebabkan penderitaan dan pembunuhan dan sebagainya seperti yang dialami oleh watak-watak tersebut. Perang juga telah mengakibatkan putusnya tali kekeluargaan dan meruntuhkan struktur sosial.

Pengalaman melihat kematian, pertumpahan darah, penderitaan, kemiskinan dan sebagainya ketika Perang Revolusi (1945-1949), memberi impak yang serius terhadap pemahaman ini. Kedudukannya sebagai pengarang yang mewakili kelompok yang menderita ketika perang ini, Pramoedya menerusi watak-watak utama dalam *Keluarga Gerilya* mengungkapkan pandangan dunia kelompoknya yang menginginkan kedamaian dan kesejahteraan serta kemerdekaan Indonesia tanpa pertumpahan darah. Menerusi novel ini, Pramoedya telah memenangkan watak-watak Saaman, Amilah, Canimin, Katiman dan Fatimah yang mewakili masyarakat yang dijajah. Meskipun mereka menderita dan diantara mereka berakhir dengan kematian, namun bagi Pramoedya ia merupakan kemenangan mereka untuk melihat 'fajar merah', iaitu gambaran tentang kemerdekaan yang dilihat secara metafora oleh Pramoedya. Justeru itu, 'fajar merah' tersebut adalah pandangan dunia dan kesedaran kelompok masyarakat bawahan di Indonesia yang diwakili oleh Pramoedya.

Selain itu, watak-watak yang dikemukakan ini juga merupakan pemahaman beliau terhadap hakikat perang, penjajahan dan kemanusiaan. Konflik-konflik yang digambarkan oleh watak-watak yang dipaparkan seperti Amilah, Saaman, Kartiman dan Canimin merupakan pandangan masyarakat Indonesia tentang kesan perang. Malah, perang adalah sesuatu yang harus diketepikan dan tidak ada sesiapaupun yang menginginkan perang serta pertumpahan darah (Trisna Kumala Satya Dewi, 1993: 3-4). Dalam hal ini, Pramoedya menekankan walau di manapun terjadinya, perang tetap akan memusnahkan semua aspek kehidupan manusia hingga kepada budayanya. Perang selama empat tahun itu dilihat oleh Pramoedya seolah-olah berlaku dalam waktu tiga hari empat malam sahaja tetapi meninggalkan kesan psikologi, ekonomi dan politik yang begitu besar terhadap masyarakat Indonesia.

Watak Amilah yang menjadi gila setelah kematian Saaman merupakan gambaran oleh Pramoedya tentang penderitaan golongan rakyat yang kehilangan suami, anak dan saudara akibat perang. Oleh itu, menerusi novel *Keluarga Gerilya*, Pramoedya mengungkapkan kesedaran dan keinginan kelompok masyarakat yang diwakilinya agar Indonesia bebas dari perang dan menjadi sebuah negara yang harmoni.

Sementara itu, bagi Pramoedya, watak-watak dan fenomena ini merupakan realiti dalam perang dan tragedi kemanusiaan yang tidak mungkin diabaikan begitu sahaja dalam catatan sejarah bangsa Indonesia. Dalam konteks ini, revolusi dan perang, bukan sahaja memusnahkan aspek fizikal tetapi juga memusnahkan nilai-nilai kemanusiaan, keadilan, kerukunan serta keharmonian yang seharusnya menjadi milik bersama manusia. Ini dijelaskannya menerusi watak Saaman;

Kemanusiaan kukorbankan. Dan sekarang ini jiwaku dan ragaku sendiri. Ku paksa diriku menjalani kekejaman dan pembunuhan agar orang yang ada di bumi yang

kuinjak ini tidak lagi perlu berbuat seperti itu, agar mereka langsung bisa menikmati kemanusiaan dan kemerdekaan (Pramoedya Ananta Toer, 1950: 149).

Dalam hal ini, *Keluarga Gerilya* ditulis bukannya untuk menceritakan hakikat perang revolusi atau catatan sejarah bangsa Indonesia, biarpun secara tidak langsung novel tersebut melukis secara jelas pelbagai aspek tentang zaman tersebut. Aspek pokok yang cuba diketengahkan ialah kesedaran kolektif dan pandangan dunia kelompok masyarakat yang dijajah. Selain itu, perang juga telah menyebabkan perubahan nilai kemanusiaan dan norma-norma yang dipegang oleh masyarakat yang dianggap sebagai terkeluar dari kebiasaan. Saaman sanggup membunuh bapanya demi cita-cita perjuangan kerana ayahnya merupakan salah seorang pegawai tentera Belanda (NICA) yang akan menghalang kepada kemerdekaan Indonesia dan keadilan untuk seluruh bangsanya. Biarpun perbuatan tersebut bertentangan dengan dengan nilai-nilai masyarakat Indonesia, ia tetap dihalalkan. Menurut Pramoedya;

Sememangnya membunuh orang tua sendiri adalah sesuatu yang tidak realistik dan irasional. Tetapi tidak untuk zaman revolusi dan perang. Orang terpaksa membunuh untuk mencapai tujuan, tiada kemanusiaan untuk dipertahankan biarpun semua orang memerlukannya. Zaman perang semuanya aneh, pembunuhan adalah untuk membela diri dan lambang kepatriotan (Pramoedya Ananta Toer , 1964: 21).

Dalam hal ini, para 'pembunuh' seperti Saaman, Canimin dan Kartiman justeru diletakkan oleh Pramoedya sebagai hero-hero revolusi kerana mempertahankan moral dan etika bangsa Indonesia dari golongan yang dikritik hebat oleh Pramoedya dan para penulis Lekra sebagai 'manusia-manusia yang ingin menjadi Belanda dan menegakkan imprealisme'. Beliau bertitik-tolak kepada sejarah yang membuktikan terdapat segelintir rakyat Indonesia yang tetap ingin mempertahankan Belanda sama ada secara langsung seperti suku Ambon, Ternate serta Flores (Savitri Prastiti Scherer, 1981: 37). Beliau

menganggap watak-watak hero ini sangat diperlukan untuk menegakkan revolusi seperti yang dijelaskan menerusi watak Saaman;

...di dunia ini tak ada tempat untuk orang-orang bodoh dan sakitan. Kalau engkau bodoh dan sakitan, engkau akan takut mati. Engkau takut luka. Engkau jadi takut berperang (Pramoedya, 1950: 205).

Menerusi hero-hero revolusi inilah Pramoedya cuba memperlihatkan sejauh mana pembunuhan zaman perang berfungsi untuk mempertahankan kemanusiaan dan membela orang-orang yang tertindas. Sekaligus untuk memperlihatkan bahawa unsur radikalisme kadang-kadang dapat digunakan bagi memperjuangkan hak. Namun, Pramoedya sama sekali menolak kekerasan. Malah, Pramoedya mengutarakan pandangan dunia sebahagian besar masyarakat Indonesia terhadap hal ini. Beliau memperlihatkan penyesalan watak-watak Canimin dan Kartiman, kerana pembunuhan terhadap bapa mereka di saat-saat akhir kematian di medan perang. Begitu juga kesedihan dan tekanan moral yang ditanggung oleh Saaman ketika hampir berada di tali gantung kerana turut membantu kedua-dua adiknya membunuh bapa mereka selain membunuh tentera-tentera musuh (Pramoedya, 1950: 197).

Keinginan Kartiman melihat fajar merah (lambang kemerdekaan yang hakiki untuk segenap bangsanya), penyesalan Saaman, Amilah yang menjadi gila dan Salamah yang diperkosa oleh Sersan Kasdan dan pergolakan psikologi adik-adiknya, Canimin, Kartiman dan Fatimah merupakan keinginan bangsa Indonesia secara menyeluruh. Keseluruhan persoalan yang dilontarkan menerusi watak-watak ini merupakan kerangka berfikir Pramoedya tentang kemasyarakatan yang dibina di atas dasar sebab dan akibat. Pramoedya melihat fenomena kemasyarakatan seperti ini yang terjadi pada manusia-manusia Indonesia secara khususnya disebabkan oleh satu

permasalahan pokok, iaitu perang dan revolusi. Dengan tanggapan yang sedemikian, Pramoedya cuba membuktikan kebenaran bahawa pergolakan dalam keluarga Amilah sebagai simbolik kepada bangsa Indonesia tidak akan wujud jika tidak adanya perang, pertentangan antara dua bangsa (Indonesia dan Belanda) dan sikap tamak (Darmanto Jatman 1985: 122-124).

Dengan menganalisis *Perburuan* dan *Keluarga Gerilya* ini, Pramoedya sebagai pengarang dan intelektual kelompok telah menyatakan keinginan, cita-cita dan aspirasi kelompok yang dijajah semasa perang. Watak-watak yang diketengahkan daripada kedua-dua novel ini adalah hakikat sosial yang terjadi akibat perang. Oleh itu, kelompok ini 'menerusi' Pramoedya menyatakan pandangan mereka tentang satu keadaan yang sangat diharap-harapkan, iaitu keadaan yang aman dan harmoni tanpa pertumpahan darah dan kesengsaraan. Aspek utama yang diperlihatkan oleh Pramoedya ialah penjajahan yang merupakan titik penyebab terjadi fenomena ini. Ianya bersesuaian dengan gagasan Strukturalisme Genetik oleh Goldmann bahawa karya sastera, khususnya novel dapat menyumbang kepada pembangunan sosial yang menjurus kepada kepentingan kelompok masyarakat bawahan. Dalam konteks *Perburuan* dan *Keluarga Gerilya*, gambaran-gambaran watak-watak yang menderita akibat perang dapat memberi makna kepada pembangunan sosial, pengungkapan sejarah yang esensial dan menampilkan fakta-fakta kemanusiaan yang lengkap. Selain itu, analisis kemasyarakatan oleh Pramoedya ini juga memperlihatkan satu kesatuan dinamis yang bermakna sebagai lambang kewujudan peristiwa-peristiwa penting zamannya yang harus difahami oleh masyarakat yang berada dalam kelompok yang sama dengan pengarang.

Sementara itu, dalam menyuarakan pandangan dunia kelompok ini, Pramoedya tidak meletakkan masalah masyarakat bawahan disebabkan kepada penjajahan semata-mata. Pramoedya juga melihat penderitaan masyarakat bawahan di Indonesia adalah disebabkan oleh sikap pemimpin dan pemerintah khususnya pada era pasca perang di Indonesia. Sebagai contoh, kemiskinan pegawai-pegawai rendah kerajaan ketika Orde Lama adalah disebabkan oleh sikap tidak adil pemerintah yang hanya menjaga kepentingan peribadi sahaja tanpa melihat kemelaratan rakyat. Hal-hal inilah yang banyak dipaparkan oleh Pramoedya dalam *Korupsi*, *Bukan Pasar Malam*, dan *Sekali Peristiwa di Banten Selatan* dan lain-lain sebagai satu kesedaran kelompok masyarakat bawahan secara kolektif. Penyataan-penyataan di dalam novel-novel ini merupakan satu pandangan dunia golongan bawahan secara keseluruhan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Goldmann, bahawa pengarang harus berperanan langsung sebagai organ atau alat penyuar kelas masyarakat di mana dia berada yang melatari proses pengkaryanya. Kedudukan seseorang pengarang oleh Goldmann dianggap sebagai lidah yang akan menghubungkan pertentangan kelompoknya dengan idealisme dan gagasan kelompok yang berkuasa.